


# KOLEKSI UCAPAN TUN DR MAHATHIR MOHAMAD

1981-2003



SOSIAL JILID I



JABATAN  
PENERANGAN  
MALAYSIA




PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



# KOLEKSI UCAPAN TUN DR MAHATHIR MOHAMAD

1981-2003

SOSIAL JILID I





# SIDANG REDAKSI

## PENASIHAT

Roselindawati Abdul Rahman  
Ketua Pengarah  
Jabatan Penerangan Malaysia

## SUMBER FOTO

Unit Fotografi,  
Bahagian Komunikasi Visual dan Senireka  
Jabatan Penerangan Malaysia

## EDITOR

Wan Azizah Wan Omar  
Muhammad Najmi Mustapha

Unit Foto Pertubuhan Berita Nasional  
(BERNAMA)

## PENGARANG & PENYELARAS

Neily Syafiqah Mohamed Eusoff  
Nor Idahyah Ismail

### REKA BENTUK DAN DICETAK OLEH:

Percetakan Zainon Kassim Sdn Bhd  
1, 2, 4 & 6, Tingkat Kilang, Kawasan Perindustrian Ringan Jelapang,  
30100 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

### DITERBITKAN DI MALAYSIA OLEH:



JABATAN  
**PENERANGAN**  
MALAYSIA

Bahagian Penerbitan Dasar Negara  
Jabatan Penerangan Malaysia

Aras 13, Kompleks KKMM, Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya.

Tel: 03-8911 3440 Faks: 03-8911 4957

E-mel: [webmaster@inform.gov.my](mailto:webmaster@inform.gov.my) Laman Sesawang: [www.penerangan.gov.my](http://www.penerangan.gov.my)

ISBN 978-983-2658-21-4



9 789832 658214 >

Imbas Kod QR  
untuk Versi Digital



Cetakan Pertama 2019  
ISBN 978-983-2658-21-4  
Hak Cipta Terpelihara


@ Jabatan Penerangan Malaysia, 2019

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin daripada pencipta.

808-85

MAH





# RUKUN NEGARA

Bahawasanya negara kita, Malaysia mendokong cita-cita hendak:

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
- Memelihara satu cara hidup demokratik;
- Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; dan
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:-

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**



# ISI KANDUNGAN

## 1981

1. Majlis Jamuan Makan Malam Anjuran Kelab Kebangsaan Wartawan Malaysia, Kelab Selangor, Kuala Lumpur, 12 Oktober 1981 12
2. Majlis Malam Sepuluh Tahun Uda, Nirwana Ballroom, The Hilton, Kuala Lumpur, 25 Oktober 1981 15
3. Majlis Perasmian Mesyuarat Ke-19 Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan Dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri, Dewan Taklimat Pusat Komputer, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 05 November 1981 18
4. Majlis Perasmian Hari Pelawat Jambori Kebangsaan Pandu Puteri, Malaysia, Universiti Pertanian, Malaysia, 12 Disember 1981 24
5. Majlis Makan Malam Tahunan Persatuan Perkhidmatan Tadbir Dan Diplomatik (PPTD), Dewan Nirwana, The Hilton, Kuala Lumpur, 27 Disember 1981 26

## 1982

6. Majlis Makan Malam Anjuran Majlis Peguam Semenanjung Malaysia, Hotel Merlin, 12 Februari 1982 31
7. Majlis Jamuan Negeri Sempena Lawatan Ke Negeri Kelantan, Istana Balai Besar, Kota Bharu, 22 Februari 1982 34
8. Majlis Jamuan Makan Malam Dewan Perniagaan Kebangsaan Malaysia, Hotel Regent, Kuala Lumpur, 11 Ogos 1982 37
9. Majlis Jamuan Perpisahan Untuk Yang Amat Arif, Tun Mohamed Suffian Bin Hashim Ketua Hakim Negara, Rumah Malaysia, Kuala Lumpur, 11 November 1982 41
10. Majlis Makan Malam Persidangan Rotary, Hotel Federal, Kuala Lumpur, 20 November 1982 44

## 1983

11. A Talk On Ethnic Relations And Nation Building At A Function Organised By The Malaysian Social Science Association, Rumah Universiti, Universiti Malaya, 12 January 1983 47
12. Key Note On Science And National Development At The Official Opening Of Forum Sains Kebangsaan Universiti Universiti Pertanian Malaysia, (UPM), 10 May 1983 51
13. Majlis Makan Malam Keluarga Utusan Melayu, The Hilton, Kuala Lumpur, 19 Jun 1983 58
14. Bersempena Dengan Permulaan Rangkaian Kedua Televisyen Malaysia Ke Sabah Dan Sarawak, 31 Ogos 1983 60
15. Majlis Kesyukuran Di Ibu Pejabat PERKIM, Ibu Pejabat PERKIM, Kuala Lumpur, 22 Oktober 1983 62

**1984**

- |     |  |    |
|-----|--|----|
| 16. | Majlis Jamuan Makan Malam Sempena Perayaan Jubli Perak Institusi Jurutera Malaysia, Institusi Jurutera Malaysia, 13 April 1984   | 67 |
| 17. | Majlis Makan Malam Perpisahan Bagi Bekas Ketua Setiausaha Negara, Yang Berbahagia Tan Sri Hashim bin Aman, Dewan Bankuet, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, 14 Julai 1984 | 72 |
| 18. | Jamuan Makan Malam Sempena Ulang Tahun Ke-10 Petronas, The Hilton, Kuala Lumpur, 25 Ogos 1984  | 74 |
| 19. | Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Yang Kelapan, Di Istiadat Pertabalan, 15 November 1984                        | 78 |
| 20. | Majlis Makan Malam GAPENA, Hotel Equatorial, Kuala Lumpur, 23 November 1984  | 80 |

**1985**

- |     |  |    |
|-----|--|----|
| 21. | Jamuan Makan Malam Persatuan Perkhidmatan Tadbir Dan Diplomatik, Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, 09 November 1985 | 84 |
| 22. | A Banquet In Shanghai, Shanghai, China, 23 November 1985   | 89 |
| 23. | A Luncheon In Hangzhou, Hangzhou, China, 25 November 1985  | 90 |
| 24. | A Luncheon In Xian, Xian, China, 26 November 1985  | 91 |
| 25. | A-Banquet In Guangzhou, Guangzhou, 27 November 1985  | 92 |

**1986**

- |     |  |     |
|-----|--|-----|
| 26. | Majlis Makan Malam Anjuran Kelab Kebangsaan Wartawan-Wartawan Malaysia, Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur, 10 Mac 1986               | 95  |
| 27. | Majlis Makan Malam Persatuan Doktor-Doktor Perubatan Malaysia, Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur, 25 April 1986                      | 100 |
| 28. | Majlis Penyampaian Hadiah Bahasa Persatuan Linguistik Malaysia Dan Public Bank, Menara Tabung Haji, Jalan Tun Razak, 30 April 1986 | 103 |
| 29. | Majlis Makan Malam Pertubuhan Juruukur Malaysia, Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur, 28 Jun 1986                                      | 107 |
| 30. | Hari Perasmian Pameran, Muzium Negara, Kuala Lumpur, 28 Ogos 1986  | 110 |

**1987**

- |     |   |     |
|-----|---|-----|
| 31. | Majlis Makan Malam GAPENA - Esso, The Hilton, Kuala Lumpur, 03 April 1987   | 114 |
| 32. | Majlis Makan Malam Tahunan Institusi-Institusi Kewangan, Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur, 28 Ogos 1987                   | 117 |
| 33. | Majlis Jamuan Makan Malam Dan Pelancaran Buku Daftar Hari Merdeka 1986, The Hilton, Kuala Lumpur, 29 Ogos 1987          | 121 |
| 34. | Majlis Malam Pertanian Negara, Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 02 Disember 1987                | 123 |
| 35. | Majlis Makan Malam Anjuran Persatuan Pengilang-Pengilang Tekstil Malaysia, Hotel Regent, Kuala Lumpur, 23 Disember 1987 | 126 |

**1988**

36. Majlis Malam Penghargaan EON, Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur; 04 Februari 1988 130
37. Majlis Mengadap Dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran Dan Bintang-Bintang Serta Pingat-Pingat Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi DYMM SPB Yang Di-Pertuan Agong, Istana Negara, Kuala Lumpur, 01 Jun 1988 133
38. Majlis Makan Malam Tahunan Institusi-Institusi Kewangan Yang Ke-10, Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur, 05 September 1988 135
39. Majlis Malam Wartawan Malaysia 1988 Anjuran Institut Akhbar Malaysia, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 19 November 1988 139
40. Majlis Makan Malam Persatuan Perkhidmatan Tadbir Dan Diplomatik (PPTD), Hotel Merlin, Subang, Petaling Jaya, 18 Disember 1988 145

**1989**

41. Majlis Perpisahan Rasmi Oleh Kerajaan Bagi Ke Bawah Duli-Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Dan Raja Permaisuri Agong, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 05 April 1989 150
42. Majlis Perasmian Konvensyen CUEPACS, Hotel Federal, Kuala Lumpur, 08 Julai 1989 153
43. Majlis Makan Malam Tahunan Institusi-Institusi Kewangan, Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur, 21 Ogos 1989 158
44. Majlis Perasmian Perayaan 55 Tahun Perkhidmatan Awam Malaysia, Arkib Negara, Kuala Lumpur, 22 Ogos 1989 164
45. Majlis Makan Malam Persatuan Perkhidmatan Tadbir Dan Diplomatik (PPTD), The Hilton, Kuala Lumpur, 03 Disember 1989 169

**1990**

46. Majlis Mengadap Dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Istana Negara, Kuala Lumpur, 06 Jun 1990 174
47. Majlis Makan Malam Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJ), The Hilton, Petaling Jaya, 15 Jun 1990 176
48. Hari Pelancaran Tenaga Nasional, Kuala Lumpur, 01 September 1990 181
49. Majlis Pelancaran Hari Keluarga Kebangsaan 1990, Stadium Bola Sepak, Bandar Tun Razak, Cheras, 11 November 1990 185
50. Majlis Makan Malam Perpisahan Bagi Bekas Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Sallehuddin B Mohamed, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, 03 Disember 1990 189

**1991**

51. Majlis Jamuan Makan Malam Tahunan Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia, Hotel Regent, Kuala Lumpur, 23 Februari 1991 194
52. Majlis Hari Ucapan Dan Penyampaian Hadiah Kolej Dan Hadiah Iskandar Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah Darul Aman, 06 Ogos 1991 199

- |     |  |     |
|-----|--|-----|
| 53. | Majlis Konvokesyen Kolej Tunku Abdul Rahman, Wisma MCA, Kuala Lumpur, 05 Oktober 1991              | 203 |
| 54. | Hari Kebangsaan Yang Ke-34, Radio Dan Televisyen Malaysia, 31 Oktober 1991                         | 207 |
| 55. | Launching Of The 1998 Commonwealth Games Bid Fund, Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, 10 December 1991 | 210 |

### 1992

- |     |   |     |
|-----|---|-----|
| 56. | Majlis Mengadap Dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Istana Negara, Kuala Lumpur, 06 Jun 1992 | 213 |
| 57. | Konvensyen CUEPACS Yang Ke-19, Dewan San Choon, Wisma MCA, Jalan Ampang, Kuala Lumpur, 22 Jun 1992  | 216 |
| 58. | Majlis Jamuan Makan Malam Tahunan Lembaga Jurutera Malaysia, Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur, 03 Julai 1992  | 220 |
| 59. | Majlis Pelancaran Kempen Publisiti Tahun Melawat Malaysia 1994, Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), 01 Ogos 1992  | 223 |
| 60. | Majlis Jamuan Ulang Tahun Ke-25 MIDA, The Hilton, Kuala Lumpur, 22 Ogos 1992  | 227 |

### 1993

- |     |   |     |
|-----|---|-----|
| 61. | Hari Raya Message, Via Radio And Television Malaysia, 25 March 1993   | 231 |
| 62. | Majlis Makan Malam Persatuan Perkhidmatan Tadbir Dan Diplomatik PPTD, The Hilton, Kuala Lumpur, 23 Julai 1993                               | 232 |
| 63. | Harvard Club Dinner, Shangri-La Hotel, Kuala Lumpur, 28 July 1993   | 235 |
| 64. | Majlis Makan Malam Perpaduan Hari Pekerja 1993, Hotel Istana, Kuala Lumpur, 06 Ogos 1993  | 239 |
| 65. | In Conjunction With The 10th Anniversary Of The International Islamic University Malaysia, Malik Faisal Hall, Petaling Jaya, 24 August 1993 | 243 |

### 1994

- |     |   |     |
|-----|---|-----|
| 66. | Majlis Anugerah Usahawan Wanita Harapan, Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur, 06 Januari 1994  | 247 |
| 67. | Majlis Menandatangani MEASAT-1, Hotel Istana, Kuala Lumpur, 17 Mei 1994   | 250 |
| 68. | A Dinner By The Harvard Club Of Malaysia, Shangri-La Hotel, Kuala Lumpur, 27 May 1994   | 253 |
| 69. | Majlis Mengadap Dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Istana Negara, Kuala Lumpur, 04 Jun 1994 | 257 |
| 70. | Majlis Pelancaran Civil Service Link (CSL), MAMPU, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 09 Ogos 1994  | 260 |

### 1995

- |     |   |     |
|-----|---|-----|
| 71. | Majlis Perasmian Seminar Al-Quran Antarabangsa Kali Ke-5, Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 08 Januari 1995           | 264 |
| 72. | Majlis Pelancaran Hari Pengguna Sedunia 1995 Dan Kempen Anti Inflasi Tahun 1995, Pusat Islam, Kuala Lumpur, 02 Jun 1995 | 269 |

- |     |  |     |
|-----|--|-----|
| 73. | Launching Of The Academy Of Sciences Malaysia, Istana Hotel, Kuala Lumpur, 08 September 1995                                       | 274 |
| 74. | Majlis Pembukaan Rasmi Bangunan Terminal Baru Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Langkawi, Kedah Darul Aman, 03 Disember 1995 | 277 |
| 75. | Majlis Makan Malam Persatuan Pegawai Tadbir & Diplomatik (PPTD) 1995, The Hilton, Kuala Lumpur, 11 Disember 1995                   | 280 |

### 1996

- |     |  |     |
|-----|--|-----|
| 76. | Majlis Pelancaran Perodua Rusa, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 06 Mac 1996                        | 285 |
| 77. | Majlis Fellow Kehormat Akademi Sains Malaysia, Hotel Istana, Kuala Lumpur, 02 Ogos 1996                      | 288 |
| 78. | Majlis Perasmian Menara Kuala Lumpur, Kuala Lumpur, 01 Oktober 1996  | 290 |
| 79. | Majlis Makan Malam Yayasan AIDS Malaysia 'Red Ribbon Gala', Hotel Renaissance, Kuala Lumpur, 19 Oktober 1996 | 292 |
| 80. | Majlis Malam Wartawan Malaysia 1996, Hotel Istana, Kuala Lumpur, 21 Oktober 1996                             | 296 |

### 1997

- |     |  |     |
|-----|--|-----|
| 81. | Digital Entertainment In The Networked World, Beverly Hills Hotel, Los Angeles, 14 January 1997  | 300 |
| 82. | Majlis Makan Malam Sempena Ulang tahun Penerbangan Malaysia Ke-50, PWTC, Kuala Lumpur, 02 April 1997   | 305 |
| 83. | Majlis Makan Malam Seniman, Hotel Sunway Lagoon Resort, Petaling Jaya, Selangor, 03 Ogos 1997  | 309 |
| 84. | Majlis Makan Malam Sempena Pelancaran Yayasan Hepar Malaysia, Hotel Sunway Lagoon Resort, Petaling Jaya, Selangor, 13 Ogos 1997                  | 313 |
| 85. | Majlis Anugerah Kualiti Perdana Menteri Dan Simposium Kebangsaan Kerajaan Elektronik, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 18 Disember 1997 | 316 |

### 1998

- |     |   |     |
|-----|---|-----|
| 86. | Majlis Perasmian Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, Auditorium Hukm, Kuala Lumpur, 14 Julai 1998                        | 325 |
| 87. | Akhbar Sebagai Pembina, Bangi, 18 Julai 1998  | 329 |
| 88. | Majlis Perasmian ASEAN Telekom 1998, Minés, Kuala Lumpur, 03 November 1998  | 332 |
| 89. | Majlis Perasmian Hari Pengguna Sedunia 1998 Peringkat Kebangsaan, Dewan Muktamar, Pusat Islam, Kuala Lumpur, 06 November 1998 | 336 |
| 90. | Majlis Konvensyen CUEPACS Ke-21, Pusat Belia Antarabangsa, Kuala Lumpur, 02 Disember 1998                                     | 341 |

### 1999

- |     |   |     |
|-----|---|-----|
| 91. | Majlis Pelancaran Kumpulan Ikram Sdn Bhd Dan Kolej Ikram, Taman Ilmu Ikram, Kajang, Selangor, 05 April 1999               | 346 |
| 92. | Majlis Pelancaran 'Discovery University', Dewan Sultan Iskandar Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor, 28 Ogos 1999 | 350 |

- |     |  |     |
|-----|--|-----|
| 93. | Istiadat Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Yang Ke-11, Istana Negara, Kuala Lumpur, 23 September 1999                                 | 353 |
| 94. | Majlis Makan Malam Persatuan Perkhidmatan Tadbir Dan Diplomatik (PPTD) 1999, Hotel Palace Of The Golden Horses, Sg. Besi, Kuala Lumpur, 05 November 1999 | 356 |
| 95. | Majlis Pelancaran Duit Syiling Emas Peringatan Tahun 2000, Palace Of The Golden Horses, Kuala Lumpur, 23 Disember 1999                                   | 360 |

### 2000

- |      |  |     |
|------|--|-----|
| 96.  | Majlis Pelancaran Rasmi Sistem Kawalan Laut, Pelabuhan Klang, 01 Jun 2000  | 363 |
| 97.  | Red Ribbon Gala 2000, Mandarin Oriental Hotel, Kuala Lumpur, 30 September 2000   | 366 |
| 98.  | The Launch Of The International Haji Conference, Palace Of The Golden Horses Kuala Lumpur, 30 September 2000   | 369 |
| 99.  | Majlis Anugerah Peraduan Formula Malaysia Dan Pelancaran Yayasan Formula Malaysia, Grand Lagoon Ballroom, Sunway Resort Hotel, Petaling Jaya, Selangor, 01 November 2000 | 373 |
| 100. | Majlis Pelancaran Kempen Sebulan Beramal Jariah Anjuran Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM), Dewan Muktamar, Pusat Islam Kuala Lumpur, 01 Disember 2000   | 376 |

### 2001

- |      |   |     |
|------|---|-----|
| 101. | Launching Of The Book On "The Art Of Living - Residential Architecture In The Islamic World", Islamic Art Museum, Kuala Lumpur, 26 March 2001                                     | 382 |
| 102. | Majlis Konvensyen Perdana Pendidikan Kebangsaan 2001, Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands, 19 April 2001   | 384 |
| 103. | Majlis Mengadap Dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Istana Negara, Kuala Lumpur, 02 Jun 2001 | 390 |
| 104. | Kongres Pendidikan Melayu Pertama, Dewan Merdeka, PWTC, Kuala Lumpur, 01 September 2001   | 393 |
| 105. | Majlis Berbuka Puasa Dengan Pemimpin Pelajar, Seri Perdana Putrajaya, 05 Disember 2001  | 402 |

### 2002

- |      |  |     |
|------|--|-----|
| 106. | Majlis Mega Perpaduan 2002, Stadium Nasional Bukit Jalil, 26 Januari 2002  | 407 |
| 107. | Istiadat Mengadap Dan Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran, Bintang-Bintang Dan Pingat-Pingat Malaysia Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Istana Negara, Kuala Lumpur, 01 Jun 2002 | 410 |
| 108. | Majlis Pelancaran Universiti Tunku Abdul Rahman, Kolej Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, 13 Ogos 2002  | 413 |
| 109. | Majlis Pelancaran Universiti Terbuka Malaysia, Kuala Lumpur, 26 Ogos 2002  | 419 |
| 110. | Majlis Perasmian Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam Ketiga, Riviera Bay Resort, Melaka, 03 Oktober 2002   | 424 |

## 2003

- |      |  |     |
|------|--|-----|
| 111. | Majlis Pelancaran E-Syariah, Hotel Marriott, Putrajaya, 07 Februari 2003   | 430 |
| 112. | Majlis Pelancaran Hari Kraf Kebangsaan, Kompleks Kraf Kuala Lumpur, 28 Februari 2003   | 436 |
| 113. | Istiadat Mengadap Dan Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran, Bintang-Bintang Dan Pingat-Pingat Malaysia Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Istana Negara, Kuala Lumpur, 07 Jun 2003 | 441 |
| 114. | Majlis Pelancaran Al-Quran Mushaf Malaysia, Kompleks Taman Seni Islam, Shah Alam, 18 Julai 2003  | 444 |

KOLEKSI UCAPAN  
TUN DR MAHATHIR  
MOHAMAD

**SOSIAL JILID I**

19

# MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM ANJURAN KELAB KEBANGSAAN WARTAWAN MALAYSIA

KELAB SELANGOR, KUALA LUMPUR, 12 OKTOBER 1981

*It is indeed a pleasure for me to be with you, distinguished members of the press. In extending to me the invitation for the function tonight, which I am told is in dinner I do not have much choice but to exceed to the request.*

*Now may I take this opportunity to share with you some of my thoughts on the subject of the role and responsibilities of the Press in Malaysia. Perhaps I should say, let me reiterate some of my already known views about the press in Malaysia and everywhere else. We in Malaysia are committed to a democratic form of government. This is embodied in our Constitution, in the National Principles and in the manifestos of the various political parties. For democracy to function effectively and thrive we need an informed public. In a democracy, it is the people who in the final analysis decide the policy and the direction of the Government. And the party elected by them to form the Government is the one which they consider is capable of implementing and pursuing policies which they generally approve. The better informed the public is on all issues the better are they able to make the right decisions as to which party should form the government. Therefore an important function of the Press in a democratic society is to educate and inform the public on issues so as to enable them to make their choice.*

*I am happy to see that the Press in this country has discharged this important function admirably. Of late the Press have been even more active in this area. New*

*techniques and approaches are being used in order to elucidate public concerns, behaviour and reactors. This is a healthy trend. However, I noticed, that in some cases a few of our reporters in their enthusiasm and zeal were somewhat carried away with the result that the reporting tends to be rather non-factual and verging on sensationalism. There have also been cases where the reporting has been anything but objective. While the Press reporting is balanced you will be failing in your important function of keeping the public informed. As much as you have a right to expose any shortcomings you also have an equal responsibility to ensure accuracy in you reporting. Failure to maintain balanced reporting will result in the creators of an image of a country. That doesn't seem to be able to do anything right. You know very well that we do a lot of rights things in this country. How else can you explain the prosperity and the good life. Even the poor in this country are better off than the poor elsewhere. As to the objects of your investigative reporting, it is important to remember that they are largely human. Their ability to defend themselves is very limited. In accurate and possibly slanderous reporting will create despondency and will not help achieve the good results that we are all after. This is particularly so of Government officers, who by and large are able and hard-working.*

*In our multi-racial society the responsibility of the Press goes beyond just accurate reporting. The sensitivities of the various races have to be considered. Political stability and the peaceful co-existence*

among the races are two important conditions which the Government strives to promote and preserve. In all our actions and policies the Government takes special care that these two factors are always taken into consideration. It would be inimical to the efforts of the Government if the Press in their overzealousness were to report events without giving due consideration to the sensitivities of the various races.

**“ Some of you regard the need to exercise certain restraint in order not to ruffle these sensitivities as a limitation to the proper and effective working of the media. I believe, however, that these constraints should be regarded as a challenge to the skill and maturity of our journalists, broadcasters and others in the media and also as a test of their sense of responsibility. ”**

As members of the Press you are, no doubt, concerned with the Freedom of the Press. You know my views on the freedom of the press. I don't believe that absolute freedom of the press exists anywhere, even in the liberal western countries. There is always some restraints exercised if not by the Government at least by the owners, advertisers, the freedom he wants in a socialist paper and vice-versa. And of course a socialist reader will not get the freedom of the press in a conservative paper. Even if the people who disagree with the slant of a particular paper are given space, their views are immediately smothered by the editors' reply or comment which are published immediately. Thus the freedom of the press

are for those who agree and even these few are not too free. The media exercises its own censorship, not in accordance with national needs but according to the narrow views of the people who control the paper.

These are facts which I state. Even now as the Prime Minister I do not get the freedom of the press. Within the country and more so outside, my words are often twisted in order to suit the purpose of the particular journal, which frequently is nothing more than the desire to popularise and increase the circulation of the paper. Recently I received a call from BBC London who asked for my comments on the Government's policy well regards to British suppliers. I refused this telephone interview because I know everything I said would be used against me and against Malaysia. For me the BBC is not a part of the free press system.

What I say is unpleasant. But if you examine yourself you will admit that frequently reporting by the press has done a lot of harm particularly sensationalist reporting. The exposures of private views have rendered diplomacy not only difficult but less effective. If everyone of us knows of the private thought that we entertain of each other, we will not be on talking terms. Apply this to nations and the result will be strained relations if not war. A case in point is the statement attributed to Mrs. Gandhi recently. The Thai response was completely predictable and justified. However, I cannot imagine a head of Government of Mrs. Gandhi's stature being so undiplomatic. Now of course it has been denied that she made those remarks on Thailand. But the "fat's already in the fire". Relations will never be quite the same again.

Freedom of the Press should be exercised with restraint and responsibility. But quite a few of those in the profession feel that restraint and responsibility means a limitation on the freedom of the press. If

*total licence is considered as freedom of the press, than freedom of the press does not exist anywhere in the world. And in the view of the people outside the select group who control the press in one way or another, freedom of the press also does not exist. Freedom of the Press is a myth, a myth invented by the so-called liberal west to serve their own purpose--since they, through their world-wide control of the media, stand to benefit most. Our press should not subscribe to that kind of freedom, much less be a part of their indirect intellectual hegemony. We should think of what is good for our country and our people as a whole.*

**“ If we think of our country and our people then the narrow interests of the press as an institution fades into insignificance. The needs of the nation and the people are infinitely greater. And towards these greater needs the press is in a most eminent position to contribute. ”**

*Just as you can agitate the people, you can also calm them and help them develop those values that can contribute*

*most towards their well-being. Malaysia needs a period of stability during which to consolidate its gains and to build up the work ethics and values that will make it strong and viable. The Government will do its best. But the Government needs the cooperation of everyone, including of course the press. You have done well so far, but there is much more to be done before all the peoples of Malaysia are united with one single objective, to build a greater Malaysia, where peace and prosperity and the freedom of the responsible are assured.*

Bagi mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada The National Press Club yang telah sudi menjemput saya dan memberi peluang saya berucap. Saya berharap saya tidak dianggap terlalu dogmatic. Sebagai seorang yang biasa di banned daripada mengedar pendapatnya melalui tulisannya saya faham betapa tinggi nilainya peranan media. Di samping itu saya juga percaya bahawa *“the loss of a minor freedom for an individual is of little consequence as compared to the well-being of a nation”*. Saya berharap pendapat saya ini ditimbang oleh tuan-tuan dan puan-puan. Sungguhpun apa yang saya perkatakan ini tidak menyenangkan, tetapi saya percaya jika tuan-tuan dan puan-puan membuat bandingan antara sekarang dan dahulu, antara Malaysia dan beberapa negara lain, tuan-tuan dan puan-puan akan dapati bahawa *“the bark is worse than the bite”*.



# MAJLIS MALAM SEPULUH TAHUN UDA

NIRWANA BALLROOM, THE HILTON, KUALA LUMPUR, 25 OKTOBER 1981

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada YB Datin Paduka Rafidah Aziz, Menteri Perusahaan Awam, Pengerusi, Ahli-Ahli Jemaah dan Pengurusan UDA kerana telah sudi menjemput saya dan isteri saya ke Majlis Malam Sepuluh Tahun UDA ini.

Uda yang diwujudkan sepuluh tahun yang lalu merupakan salah sebuah perbadanan awam yang terpenting bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, khususnya berhubung dengan objektif penyusunan semula masyarakat di bandar-bandar. Tanggungjawab UDA ini, tidak dapat dinafikan, adalah besar dan masih banyak usaha yang perlu dibuat bagi menjamin pencapaian objektif penyusunan supaya bandar-bandar kita mencerminkan kedudukan kaum yang seimbang di Malaysia.

Malaysia, sebagai sebuah negara yang merdeka dan mempunyai rakyat berbilang kaum mestilah menumpukan segala usaha untuk memupuk perpaduan negara. Penyusunan semula masyarakat melalui pembangunan dan pembaharuan semula bandar-bandar dengan cara sistematik dan teratur di mana aspek-aspek sosial dan budaya diberi perhatian di samping aspek ekonomi merupakan salah satu usaha yang penting ke arah perpaduan.

“**Penubuhan UDA, sebagaimana kita sedia maklum, adalah dengan tujuan untuk menyusun semula masyarakat. Dalam hal ini,**

**UDA bukanlah agensi tunggal yang dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk mencapai matlamat ini. Pencapaian matlamat penyusunan semula masyarakat mestilah menjadi tanggungjawab semua pihak walaupun UDA memegang peranan yang utama di bandar-bandar.**”

Memandang kepada pentingnya peranan UDA dalam konteks Dasar Ekonomi Baru, usaha-usaha telah dibuat untuk menjamin supaya kegiatan-kegiatan UDA dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi. Berdasarkan kepada kajiannya, UDA telah mengambil daya usaha untuk menentukan kawasan-kawasan yang perlu diberi keutamaan khususnya dalam pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Oleh itu di bawah Rancangan Malaysia Keempat, UDA akan menjalankan kegiatan-kegiatannya di kawasan tertentu dan akan mengkhusus kepada beberapa aktiviti sahaja. UDA akan menumpukan perhatian dan kegiatannya kepada empat belas buah bandar, iaitu Alor Star, Butterworth, Bandar Melaka, Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru, Kelang, Kuantan, Kuala Lumpur, Kota Bharu, Petaling Jaya, Seremban, Shah Alam dan Tanjong Tokong. Bandar-bandar ini telah dipilih berdasarkan kepada kriteria-kriteria tertentu yang di antara lain termasuk agihan penduduk mengikut kaum, agihan pendapatan, kemampuan dan kehendak pembeli dan lain-lain.

Saya sedar bahawa pihak UDA tidak akan dapat memainkan peranannya dengan berkesan tanpa sokongan dan kerjasama daripada pihak agensi-agensi Kerajaan yang lain, terutamanya badan-badan dan agensi-agensi Kerajaan Negeri. Semua badan-badan Kerajaan, sama ada di peringkat Persekutuan atau negeri mempunyai peranan yang *complementary* dalam pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Kerjasama erat di antara badan-badan dan agensi-agensi ini mestilah wujud supaya perancangan dan pelaksanaan dapat dijalankan dengan lancar.

**“ Kerajaan memandang berat terhadap tindak-tanduk mana-mana jua pegawai yang mementingkan agensi sendiri semata-mata sehingga terjejas Dasar Ekonomi Baru. Sifat atau sikap enggan bekerjasama atau tindakan yang menjejaskan penyelarasan tidak harus wujud di kalangan pegawai-pegawai kita di mana-mana jua. Agensi atau jabatan bukanlah satu empire yang harus bertindak untuk menakluki semua, tetapi adalah semata-mata alat bagi mencapai matlamat nasional. ”**

Saudara-saudara sebagai anggota dan kakitangan UDA sepatutnya berbangga dapat berkhidmat dengan UDA iaitu sebuah Perbadanan yang mempunyai peranan yang begitu penting. UDA memegang amanah Kerajaan, dan adalah

menjadi harapan Kerajaan dan rakyat agar ianya dapat menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan dan sempurna. Sebagaimana kita sedia maklum masanya cuma tinggal sepuluh tahun sahaja lagi untuk mencapai matlamat di bawah Dasar Ekonomi Baru yang ditentukan di bawah rancangan jangka panjang dua puluh tahun. Oleh itu, adalah amat penting sekali Perbadanan-perbadanan awam, termasuk UDA, menumpukan sepenuh perhatian agar matlamat-matlamat Kerajaan dapat dicapai dengan jayanya.

Negara kita mempunyai banyak perbadanan awam. Perbadanan-perbadanan awam yang diwujudkan mempunyai peranannya masing-masing. Ada di antaranya yang khusus menjadi alat pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, iaitu seperti UDA. Tetapi, sama ada sebuah perbadanan atau jabatan itu mempunyai peranan yang langsung atau tidak dari segi pencapaian Dasar Ekonomi Baru ia mestilah berkesan dalam mencapai objektif dan matlamat yang ditentukan baginya tanpa apa-apa penyelewengan dibenarkan berlaku; ia mestilah ditadbirkan dengan efisien; ia mestilah menggunakan sumber-sumber yang ada dengan cara yang produktif; ia mesti menjamin di mana yang sesuai, supaya terdapat keuntungan. Dengan lain-lain perkataan, apa yang kita kehendaki ialah suatu pengurusan yang berkesan bagi menjamin sektor awam yang produktif. Ini mestilah menjadi panduan dan komitmen setiap pegawai sektor awam; mereka yang tidak membantu atau enggan membantu meningkatkan mutu pengurusan sektor awam tidak mempunyai tempat dalam sektor ini.

Di sini patutlah juga saya ulang hasrat Kerajaan yang memerintah sekarang. Hasrat Kerajaan tidak lain dan tidak bukan ialah untuk menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang maju yang dihormati oleh seluruh dunia iaitu

menuntut kemajuan kerana kemajuan boleh memberi kepada penduduk Malaysia kesejahteraan dan kemakmuran baik daripada segi rohani atau pun jasmani. Untuk mencapai taraf kemajuan yang kita idamkan bukanlah satu perkara yang sukar. Yang dikehendaki semata-mata ialah tiap-tiap seorang daripada kita, iaitu rakyat Malaysia, menjalankan tugasnya dengan jujur dan dedikasi. Semata-mata dengan membuat kerja yang dipertanggungjawab dengan sepenuhnya akan menjadikan negara kita negara maju. Status atau jawatan yang dipegang tidak penting dalam usaha-usaha ini. Seorang budak pejabat boleh menolong menjayakan usaha pembangunan negara dengan menjalankan tugasnya dengan jujur. Begitu juga seorang pegawai tinggi atau pun seorang tokoh politik.

Hasil daripada usaha-usaha yang dijalankan ini akan dirasai oleh semua pihak. Negara yang maju akan menghasilkan pendapatan yang lumayan kepada semua penduduknya, termasuklah kita sendiri. Sebaliknya, sifat cuai dan malas bekerja di kalangan rakyatnya menjadi negara ini lemah dan mundur. Akibatnya hidup kita akan tertekan dan kita akan menjadi kecewa dan merana.

Sumber yang terpenting bagi membawa kejayaan kepada negara dan diri kita sendiri ialah fikiran dan tenaga manusia yang boleh disalurkan dan digunakan secara membina. Sumber alam yang lain tidak akan membawa kejayaan tanpa usaha dan ketekunan manusia. Oleh itu rakyat Malaysia mestilah sanggup berusaha dengan gigih dan bekerja dengan keras demi menjaga maruah serta kepentingan rohani dan jasmani kita semua.

Kualiti pengurusan UDA bergantung kepada pegawai dan kakitangannya. Adalah menjadi harapan saya agar saudara-saudara sekalian bekerja dengan penuh berdisiplin dan memikul tanggungjawab dengan jujur dan dedikasi. Setiap seorang daripada kita dalam perkhidmatan awam memikul tanggungjawab dan memegang amanah yang besar dan apa-apa kecuai atau penyelewengan bukan sahaja merupakan pengkhianatan tetapi juga dosa.

Akhir kata, saya mengucapkan kepada saudara-saudara sekalian selamat menjalankan tugas dan selamat maju-jaya.



# MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT KE-19 JAWATANKUASA PERHUBUNGAN ANTARA KERAJAAN PERSEKUTUAN DENGAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI

*DEWAN TAKLIMAT PUSAT KOMPUTER, JABATAN PERDANA MENTERI, KUALA LUMPUR, 05 NOVEMBER 1981*

Tan Sri-Tan Sri; Datuk-Datuk; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Mesyuarat Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan Dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah menjemput dan memberi penghormatan kepada saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Ke-19 Jawatankuasa Perhubungan pada pagi ini. Kesempatan ini adalah satu-satu yang jarang saya temui walaupun diketahui betapa penting pegawai-pegawai Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri mengetahui secara langsung dasar-dasar Kerajaan dan program-programnya.

Seperti yang telah diucapkan oleh Y.B. Ketua Setiausaha Negara sebentar tadi bahawa dari segi dasar tidak banyak perbezaan antara Kerajaan di bawah pimpinan Perdana-perdana Menteri yang terdahulu dengan Kerajaan di bawah pimpinan sekarang. Sungguhpun begitu adalah menjadi hasrat Kerajaan sekarang ingin mewujudkan satu jentera pentadbiran Kerajaan yang lebih cekap, bersih, tinggi prestasi dan produktivitinya bagi melaksanakan segala tanggungjawab dan rancangan-rancangan yang telah diatur sebelum ini, di samping ingin menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang aman damai dengan penduduknya

mempunyai budi bahasa yang tinggi, bertatertib serta dihormati oleh negara-negara lain di dunia. Saya telah meminta rakyat memberi tempoh selama setahun bagi Kerajaan di bawah pimpinan baru untuk mewujudkan imej baru Kerajaan yang cekap, bersih dan penuh tanggungjawab. Segala tindakan yang dijalankan sekarang adalah bertujuan untuk mencapai matlamat yang telah dijanjikan kepada rakyat.

Sebagai yang tuan-tuan sedia maklum, semenjak Negara Malaysia mencapai kemerdekaan jentera pentadbiran Kerajaan telah menjadi begitu besar dan ini memerlukan pengawalan yang lebih oleh pusat-pusat pentadbiran terhadap jabatan-jabatan di bawahnya. Ini ditambah pula dengan keadaan di mana pada masa ini jentera pentadbiran Kerajaan telah menjadi begitu kompleks. Pentadbiran Kerajaan pada masa ini tidak saja terlibat dalam soal-soal yang berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang dan mengawal keamanan tetapi telah melibatkan diri di dalam segala aspek kegiatan seperti aspek pelaburan, kebajikan masyarakat, pembinaan infrastruktur, pelajaran, perundingan dengan negara-negara luar dan sebagainya. Dalam keadaan di mana perjalanan jentera pentadbiran Kerajaan semakin kompleks, tindakan-tindakan segera her daklah

diambil supaya ianya tidak menjadi lemah yang akan memberi kesan yang tidak baik pula kepada prestasi Kerajaan.

“ Apa yang saya harapkan ialah supaya tiap-tiap kakitangan Kerajaan bekerja dengan lebih kuat lagi tanpa mengira masa dan upahan wang ringgit. Jadikanlah kejayaan yang kita perolehi hasil daripada daya usaha kita itu satu kepuasan hati yang tidak dapat dinilai dengan wang ringgit. Pegawai-pegawai Kerajaan perlulah memikirkan apakah sumbangan fikiran dan tenaga yang mereka boleh berikan kepada sistem pentadbiran yang ada sekarang.

Saya telah mencadangkan satu slogan atau cogan kata iaitu “Apakah sumbangan anda kepada Agama dan Negara?” Cogan kata ini adalah dalam bentuk soalan dengan harapan supaya kita sentiasa menyoal diri kita sendiri tentang tanggungjawab kita kepada agama dan negara. Pada hemat saya cogan kata ini adalah merupakan sebagai *'moral obligation'* yang perlu kita hayati setiap masa. Saya percaya jika semua pegawai Kerajaan bertanggung kepada diri mereka mengenai sumbangan mereka terhadap agama dan negara dan setiap tindakan dan tingkahlaku mereka sudah tentulah akan wujud di dalam

pentadbiran Kerajaan yang lebih cekap lagi bersih, tanpa rasuah dan kecurangan.

Ini timbul kerana di dalam semua ajaran agama, tidak ada agama yang menyuruh manusia berbuat kejahatan, menipu dan melakukan perbuatan-perbuatan mungkar. Malah setiap agama menyuruh manusia berbuat kebaikan dan kebajikan. Di dalam ajaran agama juga, berbakti kepada negara adalah merupakan satu amalan yang dimuliakan. Saya berharap cogan kata ini akan diterima oleh setiap kakitangan Kerajaan dan adalah menjadi harapan saya juga supaya cogan kata ini akan dapat diperluaskan kepada rakyat keseluruhannya dan akhirnya akan menjadi satu daripada ciri-ciri kehidupan masyarakat Malaysia keseluruhannya.

Pada pandangan saya segala apa yang kita rancang ini akan berjaya sekiranya kita mempunyai pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab, termasuklah juga pegawai-pegawai tertinggi Kerajaan yang menjadi contoh dan tauladan kepada pemimpin-pemimpin dan rakyat di peringkat bawah. Pemimpin-pemimpin di peringkat atasan dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan mestilah sentiasa bertanggungjawab, berusaha meninggikan mutu kecekapan, meninggikan mutu kerja dan daya pengeluaran; pemimpin-pemimpin ini haruslah pula berkeupayaan untuk memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai di peringkat bawahan di dalam semua keadaan dan situasi.

Untuk mewujudkan imej baru Kerajaan yang mempunyai disiplin yang tinggi dan menghayati nilai-nilai hidup yang mulia, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah tertentu seperti pelaksanaan sistem *'punch clock'* bagi pegawai-pegawai di peringkat Persekutuan. Langkah ini adalah sebagai satu peraturan untuk mendisiplinkan diri sendiri supaya

